

Al-Quran sumber ilmu patut dihayati

B/H 20/11/12 MS 32

Musim cuti sekolah sesuai didik anak mempelajari kitab suci



Mendekatkan remaja dan kanak-kanak dengan al-Quran dapat membantu mereka memperbaiki bacaan. [GAMBAR HIASAN]

Perbagai perancangan diatitkan bagi mengelak remaja meluangkan masa cuti sekolah dengan perkara kurang berfaedah dan terjerumus dalam aktiviti sosial yang boleh merosakkan moral serta akhlak.

Antara aktiviti yang dilihat mampu memberi faedah kepada kehidupan dan jiwa remaja sepanjang cuti persekolahan

ini adalah dengan menghadiri kelas pengajian al-Quran. Ini dapat menggalakkan mereka mendalami ilmu al-Quran.

Mendekatkan remaja dengan ilmu al-Quran dapat membantu mereka memperbaiki bacaan dan kesan daripada mendampingi al-Quran, jiwa mereka terpelihara daripada penyakit disebabkan hati yang kosong serta tidak mengingati Allah SWT.

Al-Quran penyembuh penyakit

Sesungguhnya al-Quran penyembuh kepada segala penyakit termasuklah penyakit berkaitan emosi dan tingkah laku negatif seperti sombong, dengki, menderhaka kedua-dua ibu bapa, suka berbohong dan sebagainya.

Allah SWT berfirman: *“Sesungguhnya Kami menurunkan daripada al-Quran itu Syifa’ (penyembuh) dan rahmat bagi orang yang beriman, dan tidaklah ia menambahkan sesuatu kepada orang yang zalim melainkan kerugian (kepada mereka).”* (Surah al-Isra’, ayat 82)

Al-Hafiz Ibnu Kathir mentafsirkan ayat ini, katanya: “Melalui al-Quran ia mampu menghilangkan segala penyakit hati seperti syak wasangka, syirik, nifaq (munafiq) dan tidak tetap pendirian. Sesungguhnya al-Quran mampu mengubati segala penyakit itu dan ia juga rahmat yang mencetuskan perasaan iman, hikmah dan sukakan kepada kebaikan. Sesungguhnya perkara ini tidak akan berlaku kecuali dalam jiwa orang yang beriman.”

Antara kelebihan membaca al-Quran adalah sebagai syafaat kepada pembacanya di akhirat kelak. Sabda Nabi SAW: “Bacalah al-Quran, sesungguhnya ia akan

datang pada hari akhirat sebagai pemberi syafaat kepada mereka yang membacanya.” (Riwayat Imam Muslim)

Syeikh Muhammad bin Salih al-Uthaimin menyatakan, syafaat yang akan diperoleh oleh pembaca al-Quran dalam bentuk pahala yang membantunya ketika dihisab di hadapan Allah SWT.

Diriwayatkan daripada Ibnu Umar, Nabi SAW menggesa sahabat dan seluruh umat Islam berlumba-lumba meningkatkan amalan membaca al-Quran sehingga disifatkan tiada perasaan hasad yang dibenarkan dalam Islam kecuali dua perkara iaitu hasad kepada golongan yang selalu membaca al-Quran dan mereka yang selalu menginfakkan harta benda diberikan Allah SWT.

Sabda Nabi SAW: “Tiada hasad kecuali kepada dua golongan, lelaki yang Allah berikannya (kemampuan membaca) al-Quran dan dia menggunakan masa pada waktu siang dan malam untuk membacanya; dan juga lelaki yang diberikan harta oleh Allah SWT dan dia menginfakkannya pada siang dan malam hari.” (Hadis muttafaqun alaih)

Al-Quran binaan utama

Hasad yang dimaksudkan adalah sifat cemburu tanpa berasa benci dan tidak pula mengharap sifatan yang mulia ini hilang daripada pelakunya.

Sebagai ibu bapa, kita perlu sedar al-Quran adalah binaan utama dalam rumah kita. Al-Quran yang dimaksudkan bukanlah mushaf tebal dan indah tetapi bacaan al-Quran yang mengiasi rumah.

Sabda Nabi SAW: “Sesungguhnya rumah yang tiada di dalamnya bacaan al-Quran ibarat rumah yang runtuh.”

(Riwayat al-Tirmizi dengan darjat hasan sahih)

Tanpa bacaan al-Quran, rumah dibina bukanlah syurga bagi kita sekeluarga tetapi mungkin diibaratkan sebagai rumah yang telah roboh atau kemungkinan juga seperti tanah perkuburan yang sunyi sepi.

Sabda Nabi SAW: “Janganlah kamu jadikan rumah kamu seperti tanah perkuburan.” (Riwayat Abu Daud). Tanah perkuburan di sini adalah rumah yang ‘kosong’ ibadah solat dan ibadah lain seperti bacaan al-Quran.

Jika kita melihat kehidupan salaf dan ulama terdahulu, maka kita akan dapati kecemerlangan yang dikecapi mereka bermula daripada sikap atau prinsip yang mengutamakan pendidikan al-Quran sejak kecil lagi.

Al-Quran bukan sekadar dibaca malah direnungkan maknanya lantas dikeluarkan hukum melalui kefahaman ayat al-Quran itu. Sesungguhnya syariat Islam perlu bersumberkan kepada ayat al-Quran dan sunnah Nabi SAW.

Hafal al-Quran pada usia kanak-kanak

Kehebatan sarjana Islam terdahulu dalam pelbagai cabang ilmu Islam disebabkan ketekunan mereka membaca seterusnya mengkaji ayat-ayat Allah SWT. Kebanyakan ulama tersohor dalam sejarah tamadun Islam ialah mereka yang mendapat pendidikan awal dengan mempelajari al-Quran.

Mereka sudah menghafal al-Quran secara keseluruhan dalam usia kanak-kanak mahupun awal usia remaja. Contohnya Imam al-Syafie menghafal

al-Quran secara keseluruhannya ketika berumur sembilan tahun.

Disebabkan pendidikan awal al-Quran yang mantap, maka beliau mampu mengeluarkan fatwa dalam pelbagai permasalahan hukum fiqh ketika berumur 15 tahun. Imam Ahmad bin Hanbal pula menghafal al-Quran secara keseluruhan ketika berumur 14 tahun.

Imam Ahmad terkenal sebagai ulama yang mempertahankan kesucian al-Quran dengan menyatakan bahawa al-Quran itu bukanlah makhluk tetapi ia kalam Allah SWT. Lantaran itu, beliau dipenjarakan dan disiksa pada zaman pemerintahan al-Ma’mun sebab prinsipnya itu.

Al-Quran bukan saja dibaca dan dihafal oleh ulama Islam yang terkenal dengan kehebatan ilmu agama tetapi turut dipelajari sarjana Islam yang terkenal kehebatan mereka dalam bidang lain.

Tokoh agung

Ibnu Sina adalah tokoh agung dalam dunia kedokteran dan pengarang kepada karya ulung perubatan iaitu *‘The Canon of Medicine’* telah menghafal al-Quran sebelum umurnya mencecah 10 tahun.

Begitu jugalah tokoh ilmuwan Islam lain seperti Ibnu Khaldun (ekonomi dan kemasyarakatan), Jabir bin Hayyan (kimia), al-Farabi (muzik) dan Ibnu Firnas (fizik).

Pendidikan al-Quran bukan saja boleh mengawal kanak-kanak dan remaja daripada anasir buruk, tetapi mampu menjadi pencetus kepada pemikiran intelek dalam kehidupan mereka. Semoga pendidikan al-Quran yang disediakan mampu melahirkan golongan cerdik pandai.